

UNIT
1


KEMAHIRAN SAINTIFIK

NOTA RINGKAS

Kemahiran Proses Sains

Memerhati


Proses menggunakan deria (*penglihatan, bau, rasa, sentuhan dan pendengaran*) dalam mendapatkan maklumat.



Mengelas


Membuat kumpulan terhadap ciri yang sama.

Invertebrata	Vertebrata
- Belalang	- Kuda
- Cacing	- Kambing
- Nyamuk	- Ayam



Mengukur dan menggunakan nombor


Menggunakan nombor dan alat yang berpiawai dalam membuat pemerhatian secara kuantitatif.



Isi padu air ialah 50 ml

Membuat inferens


Memberi penerangan terhadap suatu peristiwa atau situasi yang diperhatikan.



Ayam membesar kena cukup keperluan asas

Meramal


Membuat jangkaan awal mengenai sesuatu peristiwa.



Kucing akan makan ikan

Berkomunikasi

Proses menerima maklumat, membuat pemerhatian, menyusun dan mempersembahkan maklumat tersebut dalam bentuk jadual, graf, rajah, tulisan atau lisan.




Lisan



Lakaran

Menggunakan perhubungan ruang dan masa


Menerangkan perubahan parameter (*seperti saiz, arah, isi padu, berat, jisim*) terhadap masa.



Isi padu air di dalam bekas berkurang selepas dibiarkan beberapa jam di bawah matahari

Mentafsir data


Memberikan justifikasi atau penerangan yang rasional terhadap situasi, peristiwa atau keputusan penyiasatan



Buah kegemaran murid ialah rambutan

Mendefinisi secara operasi


Membuat tafsiran terhadap suatu konsep dengan cara menyatakan perkara yang diperhatikan dan dilakukan.



Definisi secara operasi manusia yang sedang membesar ialah ketinggian semakin bertambah

Mengawal pemboleh ubah

Dapat mengenal pasti 3 pemboleh ubah dalam suatu penyiasatan yang dijalankan.




Pemboleh ubah dimalarkan : Jenis pokok
Pemboleh ubah dimanipulasi: Kuantiti air
Pemboleh ubah bergerak balas: Keadaan pokok selepas 2 minggu

Membuat hipotesis

Suatu pernyataan untuk menentukan kesahihan suatu penyiasatan.

Penyataan yang melibatkan antara dua pemboleh ubah iaitu pemboleh ubah dimanipulasikan dan bergerak balas.



Semakin bertambah bilangan ikan, semakin cepat ikan mati

Mengeksperimen

Merancang eksperimen



Menjalankan eksperimen



Mengumpul data



Membuat kesimpulan